

05 JAN 2003

PERDANA MENTERI LAWAT JOHOR AKHIR BULAN INI

JOHOR BAHRU, 5 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan sehari ke Johor pada akhir bulan ini bagi melancarkan projek pembinaan Kompleks Kastam, Kurantin dan Imigresen (KIK) yang baru di sini.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata Perdana Menteri juga akan turut mengadakan perjumpaan muhibah anjuran Barisan Nasional Johor Baharu dengan penduduk Flat Lumba Kuda dan Flat Bukit Cagar, yang terbabit dalam pembinaan projek KIK berkenaan.

Selain itu, Dr Mahathir juga akan mendengar taklimat pembangunan semula projek JB Waterfront City (JBWC) yang terbengkalai, projek menaik taraf pantai Lido dan pembangunan semula Jalan Wong Ah Fook-Sungai Segget, katanya di sini hari ini.

Abdul Ghani berkata lawatan Perdana Menteri ke Johor dijangka dibuat pada 27 atau 28 Jan.

-- BERNAMA

BH HM